

20/02/2002

Maksak anjur Larian Perdana

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (Maksak) Malaysia akan menganjurkan Larian Perdana Maksak Putrajaya 2002 pada 7 April ini dalam usaha mempromosi Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan dan sukan.

Yang Dipertua Maksak, Tan Sri Samsudin Osman, berkata larian sejauh tujuh kilometer itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan sasaran penyertaan kira-kira 5,000 orang.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkata, selain mempromosi Putrajaya, larian itu juga bertujuan untuk melahirkan anggota perkhidmatan awam yang cergas melalui aktiviti riadah.

"Sebelum ini, Putrajaya pernah menjadi tempat pertandingan memancing, burung merbuk dan kenu. Tasik Putrajaya juga dikenal pasti akan menjadi pusat utama sukan air di Wilayah Persekutuan pada masa akan datang.

"Bagaimanapun, ini adalah julung kalinya Maksak menganjurkan acara larian bagi tujuan yang sama. Acara larian ini akan dijadikan acara tahunan dan aktiviti utama Maksak pada masa akan datang," katanya selepas melancarkan logo Larian Perdana Maksak Putrajaya 2002 di Kompleks Maksak di sini, petang ini.

Bagi mencapai sasaran bilangan penyertaan larian itu, Samsudin berkata, pihaknya akan menjalankan promosi agresif membabitkan Maksak negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Penjara.

(END)